

AKTA KAWALAN HARGA 1946

PERINTAH KAWALAN HARGA (PELABELAN OLEH PEKILANG, PENGIMPORT, PENGELUAR ATAU PENJUALBORONG) 1980

Akta 121	PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan (d) seksyen - kecil (1) seksyen 13 Akta Kawalan Harga 1946, Pengawal Harga dengan kelulusan Menteri membuat perintah berikut;
Nama dan mula berkuat - kuasa P.U (A) 65/81	<ol style="list-style-type: none">1. Perintah ini boleh dinamakan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjualborong) 1980 dan hendaklah, mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1981.
Takrif	<ol style="list-style-type: none"><li value="2">2. Dalam perintah ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain. "baja" ertinya apa-apa bahan yang mengandungi satu atau lebih zat makanan tanaman yang digunakan sebagai kandungan zat makanan tanamannya dan yang dimaksudkan untuk digunakan atau diakui mempunyai nilai bagi menggalakkan pertumbuhan tanaman. "barang-barang" ertinya "barang-barang" sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen 2 (1) Akta Kawalan Harga 1946. "barang-barang separuh siap" ertinya apa-apa barang atau bahan dijual kepada seseorang yang menjalankan apa-apa aktiviti pengilangan untuk diproses selanjutnya sebagai barang-barang siap untuk dijual. "harga runcit yang disyorkan" ertinya harga yang disyorkan oleh pekilang, pengimport, pengeluar atau penjualborong untuk bekalan secara runcit di dalam kawasan di mana barang-barang itu dijual atau ditawarkan untuk jualan. "makanan ternak" ertinya bahan-bahan organik atau bukan organik atau campuran atau sebatian bahan-bahan itu yang dimaksudkan untuk diberi makan kepada ternakan, binatang makmal atau binatang peliharaan. "nama sebutan sebenar" ertinya nama atau perihal nama yang tertentu dan bukannya nama atau perihal secara umum, yang akan menunjukkan kepada orang yang bermaksud hendak membeli, jenis sebenarnya barang-barang yang baginya ia terpakai. "pekilang" ertinya seseorang yang mengilang dan termasuk seseorang yang membungkus semula apa-apa barang bagi maksud dijual.
P.U (A) 65/81	
P.U (A) 138/93	

Barang-barang tersedia bungkus dan penandaan butir-butir

P.U (A) 267/80

P.U (A) 138/93

"pengeluar" ertinya seseorang yang melibatkan diri dalam perlادangan penternakan yang menyebab dikeluar apa-apa hasil ternakan bagi maksud dijual.

"pengimport" termasuk seseorang yang, sama ada sebagai pemunya, penerima kiriman, agen atau broker, ada memiliki, atau yang berhak menyimpan atau mengawal barang-barang yang diimport tetapi tidak termasuk bank yang melaluinya barang-barang yang dikirimkan semata-mata dan secara *bona fide* bagi maksud untuk memungut hutang perniagaan.

"ternakan" termasuk lembu, kerbau, kambing, kambing biri-biri, babi, kuda, ayam itek;

"tersedia bungkus" ertinya dibungkus atau terlebih dahulu disediakan untuk jualan dalam pembalut, beg atau bekas.

3. (1) Tiada seorang pun pekilang, pengimport, pengeluar atau penjualborong boleh menjual apa-apa barang tersedia-bungkus melainkan jika ada dilekatkan kepada barang-barang itu, atau kepada pembalut, beg atau bekasnya suatu label atau tanda yang mengandungi butir-butir berikut iaitu :

- a) nama sebulan sebenar barang-barang iaitu;
- b) di mana berkenaan berat minimum, kuantiti, amaun atau muatan barang-barang dalam pembalut, beg atau bekas sebagaimana sesuai, dinyatakan mengikut kiraan unit, berat bersih atau ukuran semata-mata mengikut sistem metrik dan mengenai barang-barang yang diimport, sama ada semata-mata mengikut sistem metrik atau kedua-keduanya unit metrik dan imperial;
- c) nama dan alamat pekilang, pengimport, pengeluar atau penjualborong, mengikut mana yang berkenaan, barang-barang itu; dan mengenai barang-barang yang diimport, nama negara di mana barang-barang itu dikilangkan;
- d) mengenai makanan ternak dan baja, kandungan zat atau komposisi kimia, kuantiti dan bahagian komposisi kimia dalam makanan ternak dan baja tersebut, dan mengenai campuran baja, sumber dan bahagian-bahagian ramuan yang dinyatakan dalam pecahan ratusan;
- e) mengenai simen, suatu kenyataan bahawa simen itu adalah dari bahan yang menepati penentuan standard simen Malaysia;
- f) mengenai susu tepung, harga runcit yang disyorkan;

P.U (A) 58/95

g) mengenai minyak masak:

- (i) harga runcit mengikut harga bagi negeri-negeri berkenaan; dan
- (ii) suatu kenyataan bahawa minyak masak itu adalah untuk pasaran tempatan sahaja sekiranya minyak masak itu dijual untuk pasaran tempatan

(2) Bagi maksud-maksud perenggan ini jika apa-apa barang yang dibungkus atau disediakan dalam pembalut, beg atau bekas didapati di mana-mana premis di mana barang-barang itu dibungkus, disimpan atau disetor untuk jualan, barang-barang itu hendaklah disifatkan telah tersedia bungkus melainkan dibuktikan sebaliknya.

Label atau tanda
hendaklah senang
dibaca dll

4. Label atau tanda yang disebut dalam perenggan 3 hendaklah senang dibaca dan dalam huruf yang jelas dan atau mengikut saiz dan warna yang mudah kelihatan dengan jelasnya oleh mana-mana orang yang hendak membeli barang-barang itu dan mengenai barang-barang yang dikilang atau dikeluarkan di Malaysia hendaklah dalam Bahasa Malaysia sahaja atau dalam Bahasa Malaysia dan apa-apa bahasa lain; dan mengenai barang-barang yang diimport pula hendaklah dalam Bahasa Malaysia atau dalam Bahasa Inggeris.

Tiada seorang pun boleh
membuang
dsb. label atau
tanda

5. (1) Tiada seorang pun yang boleh membuang, memadamkan, memotong atau menggantikan apa-apa label atau tanda yang dilekatkan kepada mana-mana barang, beg, pembalut atau bekas mengikut perenggan 3.

(2) Seseorang yang didapati memiliki atau menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang-barang yang labelatau tanda yang telah dibuang, dipadamkan, dipotong atau digantikan, hendaklah, melainkan dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah membuang, memadamkan, memotong atau menggantikan label atau tanda itu mengikut mana yang berkenaan.

Pengecualian

6. Seseorang pekilang, pengimport, pengeluar atau penjualborong tidak dikehendaki mematuhi kehendak-kehendak perenggan 3 jika barang-barang itu adalah untuk eksport.

Kecualian
62/67
10/56
28/52

7. Tiada apa-apa juga yang terkandung dalam perintah ini boleh menyentuh peruntukan peruntukan Akta Kastam 1967, Ordinan Perubatan (Iklan dan Jualan) 1956, Ordinan Jualan Makanan dan Dadah 1952 dan mana-mana perundangan kecil yang dibuat di bawahnya masing-masing.

- 6 6
- | | |
|------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kesalahan | 8. Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap akta Kawalan Harga 1946. |
| Pembatalan
P.U (A) 416/74 | 9. Perintah Kawalan Haraga (Pelabelan oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjualborong) 1974 adalah dibatalkan. |
| Pengecualian
P.U (A) 85/81,
105/81 | 10. (1) Perintah ini tidak boleh dikenakan kepada semua jenis barang-barang separuh siap.

(2) Pengawal Harga boleh dengan kelulusan Menteri di mana difikirkannya patut dan munasabah mengecualikan apa-apa barang yang tersedia-bungkus samada yang dikilang dalam negeri atau yang diimport, daripada kehendak-kehendak Perintah ini apabila permohonan dibuat kepadanya dan disokong oleh keterangan yang memuaskan bahawa disebabkan keadaan dan jenis barang-barang kesulitan yang tidak wajar akan terbit jika perintah itu dipatuhi.

(3) Pengawal Harga boleh, apabila menerima apa-apa permohonan itu, meminta apa-apa butir selanjutnya yang difikirkan patut. |

Diperbuat pada 24hb Julai 1980

NIK MOHD. SALLEH BIN HAJI NIK MAT
Pengawal Harga

Diluluskan pada 26hb Julai 1980
[P&P. 3214;PN. (PU2) 218.]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Menteri Perdagangan Dan Perindustrian